

# INDUSTRI LOGISTIK DIJANGKA NAIK 10-15 PERATUS TAHUN INI



Bernama Media – Mon, Sep 2, 2013 10:01 PM MYT

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Industri logistik dan pergudangan dengan suhu terkawal dijangka berkembang antara 10 dan 15 peratus tahun ini, berikutan meningkatnya kesedaran kesihatan, gaya hidup dan permintaan yang lebih tinggi bagi produk dan makanan berkualiti yang lebih baik.

Dalam satu kenyataan hari ini, Fairs and Events Management Sdn Bhd (FEMSB) menyatakan bahawa dengan permintaan yang semakin meningkat bagi produk yang berkualiti dan perkhidmatan penghantaran oleh pengguna dan peruncit, industri itu dijangka melalui transformasi besar dengan integrasi inovasi dan teknologi.

FEMSB adalah penganjur Pameran Logistik dan Pengangkutan Asean 2013 (ALTS 2013) yang akan diadakan mulai 25 hingga 27 Sept ini di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Malaysia.

Acara ini akan menyaksikan 200 peserta pameran termasuk perintis industri gudang kawalan suhu, IGLO (M) Sdn Bhd, anak syarikat senaraian awam Haisan Resources Bhd, mempamerkan kepakarannya, mewujudkan rangkaian dan mencari rakan kongsi yang berpotensi.

Menurut IGLO, sektor logistik rangkaian sejuk pihak ketiga tempatan bernilai lebih RM1 bilion setahun.

Naib Presidennya Lee Bee Ling, berkata prospek industri akan berkembang lagi pada tahun-tahun akan datang akan kekal cerah, memandangkan keperluan yang semakin meningkat untuk terus mengikuti inovasi dan teknologi terkini untuk mengekalkan perniagaan mereka.

IGLO, dengan penguasaan pasaran tempatan kira-kira 20 peratus dalam gudang suhu terkawal, syarikat mempunyai kepakaran menyimpan dan mengendalikan barang pelanggan pada suhu yang tepat sepanjang proses logistik.

-- BERNAMA

STP THS NHD

